

Headline	Penyatuan empayar ekonomi Islam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Jun 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	10	ArticleSize	347 cm ²
AdValue	RM 4,522	PR Value	RM 13,565



Penyatuan empayar ekonomi Islam

Oleh **ROHAMI SHAFIE**

SEJAK Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), ramai yang mula bercakap mengenai penyatuan nasional. Sebenarnya kita sudah lama bercakap mengenai penyatuan nasional tetapi malangnya pelbagai program yang telah dilaksanakan masih tidak membawa implikasi positif secara menyeluruh.

Manakan tidak, bahasa Melayu sebagai teras utama penyatuan bangsa Malaysia hanya menjadi momokkan semata-mata tanpa digunakan secara menyeluruh dalam urusan harian rakyat Malaysia. Malahan, dalam sektor kerajaan pun bahasa Melayu tidak dimartabatkan apabila segelintir kakitangan awam lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris. Ini belum kita bercakap penggunaan bahasa Melayu di sektor korporat.

Para menteri pun ada yang bercakap bahasa rojak, bagaimana mahu menunjukkan contoh terbaik kepada rakyat jelata. Bahkan, perlantikan dua Menteri dan Timbalan Menteri disangkal kewibawaan mereka untuk mewakili kaum Cina hanya semata-mata mereka tidak fasih berbahasa Mandarin. Bukankah bahasa Melayu telah lama diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan Malaysia?

Dalam sudut pendidikan pula, kita masih buntu apabila setiap sekolah hanya dimonopoli oleh sesuatu kaum sahaja. Mustahil penyatuan nasional akan berlaku.

Meskipun kita sedar bahawa sistem pendidikan yang sedia ada agak rapuh dari sudut penyatuan nasional, namun, kita tetap biarkan dan meneruskan sistem pendidikan yang sedia ada. Jadi, apakah strategi utama untuk memperkukuhkan penyatuan nasional?

Salah satu mekanisme yang paling berkesan adalah dengan menyatukan empayar ekonomi Islam. Kenapa ekonomi Islam? Umum mengetahui, di Malaysia majoriti rakyat adalah kaum Melayu dan beragama Islam.

Tetapi apabila bercakap mengenai Islam ada di antara kaum yang bukan Melayu juga beragama Islam. Maka, adalah lebih menyeluruh bercakap mengenai ekonomi Islam kerana ia boleh menyentuh kaum-kaum lain.

Lagipun Islam adalah agama terbaik, manakala umatnya adalah umat terbaik di dunia. Tidak kiralah kaum apa sekalipun, umat Islam adalah umat yang disuruh oleh agama Islam agar bersatu padu pada setiap masa.

Rujuklah ayat-ayat al-Quran yang menyuruh umat Islam tidak berpecah belah pada setiap masa. Malangnya, kita lihat umat Islam di serata dunia berpecah belah, tuduh menuduh, benci membenci, fitnah-menfitnah dan mengumpat sesama sendiri.

Umat Islam semakin bercelaru dan mudah dicucuk hidungnya oleh bukan Islam. Mereka dihina, dibunuh dan dipijak-pijak maruah mereka hanya kerana tidak bersatu padu. Mereka juga dituduh sebagai penga-

mal rasuah sedangkan kita mengetahui si-apakah yang mempunyai wang untuk memberi rasuah.

Institusi Islam diasak sebegitu teruk untuk menggambarkan betapa teruknya umat Islam. Inilah malapetaka besar kepada umat Islam apabila menolak ayat-ayat al-Quran untuk bersatu padu dan lebih rela membantu bukan Islam berbanding umat Islam yang hanya menyembah Allah SWT yang Maha Berkuasa.

Umat Islam terutamanya di Malaysia perlu bangkit secara radikal dan segera. Masa tidak menunggu kita. Umat Islam perlu sedar bahawa tanpa kekuatan ekonomi, mereka tidak akan ke mana. Buang jauh-jauh perasaan dengki kepada orang Islam yang telah berjaya dari segi ekonomi.

Buang jauh-jauh sikap melontarkan fitnah kepada orang Islam yang telah banyak memberi bantuan kepada umat Islam Malaysia. Mereka ini adalah ahli perniagaan yang berjaya. Sering dilontarkan fitnah seolah-olah mereka ini kroni untuk sesuatu pihak.

Kenapa perlu buruk sangka sesama Islam? Kenapakah kita terlalu dengki sesama Islam tetapi tidak pula dengan orang bukan Islam? Inilah penyakit yang bukan sahaja perlu diubati tetapi perlu dicegah sejak kecil lagi.

Kita boleh berbaik sangka dengan mengatakan tidak! Ini bukan kroni tetapi kerana ahli perniagaan tersebut mahir berniaga sehinggakan mempunyai rangkaian (*networking*) dengan pelbagai pihak.

Mereka ini berusaha bersungguh-sungguh untuk berjaya sampaikan ramai yang mengenali mereka dan mahu berurusan perniagaan dengan mereka hanya semata-mata mereka ini diyakini dan dipercayai dalam perniagaan.

Tidakkah ini lebih baik daripada menuduh seseorang itu kroni dan melontarkan pelbagai kisah yang tidak diketahui kebenarannya? Islam tidak mengajar kita berburuk sangka. Islam mengajar kita bantu membantu, berkasih sayang sesama Islam dan memperkukuhkan ekonomi.

Kita perlu menyatu padukan seluruh ahli-ahli perniagaan Islam untuk berjuang memajukan ekonomi umat Islam Malaysia.

Pada masa yang sama, gembeng kekuatan dan kepakaran orang Islam yang hebat-hebat di Malaysia.

Pacu juga segala instrumen kewangan dan ekonomi Islam serta industri halal secara sepenuhnya seperti wakaf, zakat, makanan halal dan harta-harta orang Islam yang bernilai ratusan bilion ringgit.

Umat Islam wajib menguasai kewangan Islam. Ini kerana prospek kewangan Islam amat baik pada masa hadapan yang membolehkan bukan Islam juga begitu berminat dengan kewangan Islam.

Tarik juga orang Islam yang berjaya di luar negara terutamanya ada kalangan me-

Headline	Penyatuan empayar ekonomi Islam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Jun 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	10	ArticleSize	347 cm ²
AdValue	RM 4,522	PR Value	RM 13,565

reka berjaya dalam perniagaan untuk membantu saudara mereka di sini.

Seluruh badan bukan kerajaan Islam (NGO), Teraju, Ekuinas, Mara, Tabung Haji, syarikat-syarikat yang dikuasai oleh orang Islam dan institusi Islam yang lain serta kerajaan perlu bersatu padu melonjakkan agenda ekonomi Islam. Jadikan agenda melonjakkan ekonomi Islam sebagai teras keutamaan tertinggi pada masa sekarang dan akan datang.

Penulis amat yakin jika umat Islam dapat menyatukan empayar ekonomi Islam, umat

Islam Malaysia akan semakin kuat dan bersatu padu serta menggambarkan kemajuan sebenar umat Islam Malaysia menjelang tahun 2020.

Maka, secara automatik pihak-pihak lain akan menghormati umat Islam Malaysia dan perpaduan rakyat Malaysia akan semakin utuh.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan, Pusat Pengajian Perakaunan, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia